

20/12/1998

Ohmae tidak letak jawatan

CYBERJAYA: Kehadiran Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC), Dr Kenichi Ohmae pada majlis perasmian Pusat Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT) di sini, semalam mengakhiri spekulasi bahawa beliau meletakkan jawatan itu, baru-baru ini.

Ohmae turut mewawancara Perdana Menteri, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pekarangan Cyberview Lodge selepas itu, untuk disiarkan dalam dua stesen televisyen Jepun, petang ini.

Ketika ditemui selepas itu, Ohmae berkata, beliau tidak tahu bagaimana majalah Far Eastern Economic Review menyiarkan laporan bahawa beliau menarik diri daripada jawatan IAP.

"Saya adalah antara yang memperkenalkan konsep asal pembangunan MSC, tiada sebab untuk saya menarik diri. Saya tidak tahu dari mana punca maklumat ini diperolehi.

"Malah, dari segi komitmen, saya percaya saya paling banyak memberi sumbangan berbanding ahli panel lain. Saya juga terbabit dalam memilih panel penasihat MSC yang lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan Far Eastern Economic Review edisi bulan lalu yang mendakwa beliau dan seorang lagi anggota IAP, Alvin Toffler, meletak jawatan sebagai protes terhadap layanan kerajaan Malaysia terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut majalah itu, Toffler dan Ohmae dikatakan menghantar surat kepada Perdana Menteri untuk menyatakan kekecewaan mereka terhadap layanan ke atas Anwar.

Ohmae turut menegaskan melalui perbualannya dengan Toffler, rakannya itu juga tidak meletakkan jawatan.

"Saya selalu berhubung dengannya (Toffler) dan dia menyatakan memang mempunyai perselisihan dengan Dr Mahathir berhubung pemecatan Anwar. Saya difahamkan Toffler adalah rakan baik kepada penulis ucapan Anwar, Dr Munawar Anees," katanya sambil menegaskan bahawa perselisihan itu diperbesarkan oleh media Barat.

(END)